

Batu Pahat

Isu pencerobohan haram Empangan Bekok dan tanah rezabnya, di sini, terutama membabitkan kegiatan penanaman kelapa sawit bukan isu baru dan pernah dilaporkan media massa beberapa tahun lalu.

Malangnya, langkah penguatkuasaan termasuk menangkap pesalah hanya bersifat sementara dan apabila isu berkenaan reda, pengusaha haram mula menceroboh kawasan itu semula.

Kini, kawasan tadahan air berkenaan kembali menjadi mangsa kerakusan manusia yang mementingkan diri sendiri walaupun mengetahui impak kegiatan penanaman kelapa sawit boleh menjejaskan kualiti air hingga menyebab-

kan masalah bekalan kepada lebih 600,000 penduduk di daerah ini akibat penggunaan baja kimia pada tanaman masing-masing.

Malah tinjauan di empangan berkenaan mendapati, papan tanda amaran larangan memasuki empangan tidak diendahkan pengujung dan mereka bebas keluar masuk.

Situasi itu diburukkan dengan pintu pagar yang rosak, selain tiada anggota penguatkuasa yang memantau aktiviti di kawasan empangan berkenaan yang difahamkan membekalkan bekalan air mentah kepada kira-kira 600,000 penduduk di daerah ini.

Seorang penduduk kampung yang mahu dikenali sebagai Ali, 1970-an berkata, penceroboh kawasan rezab empangan berkenaan biasanya melakukan tanaman kelapa sawit dan ia semakin menjadi-jadi sejak kebelakangan ini.

"Selepas empangan ini dibina pada 1980-an kerajaan sudah memberi pampasan kepada pemilik tanah berkenaan namun ada pemilik bersikap tamak apabila terus mengusahakan tanaman kelapa sawit di tanah asal mereka."

Seorang pekerja empangan berkata, dia pernah menegur perbuatan menceroboh itu tetapi tidak diendahkan.

Menurutnya, apa yang dibimbangkan kesan jangka panjang terhadap kualiti air di empangan berkenaan dan mencadangkan kerajaan mewartakan empangan itu sama seperti Empangan Machap di Kluang.

"Saya mohon pihak berkuasa masuk campur dengan segera kerana kita tidak tahu kesan penggunaan baja kimia yang tidak terkawal boleh menyebabkan air tercemar dan memudaratkan pengguna."

"Saya juga memohon supaya aktiviti diharamkan di kawasan ini termasuk aktiviti nelayan darat yang berlesen kerana ketika ini, sesiapa saja boleh masuk ke kawasan ini dan mendakwa sebagai nelayan," katanya.



Penceroboh 'baja' sumber air

■ Peneroka haram tanam sawit di kawasan Empangan Bekok makin menjadi-jadi



LORI memasuki kawasan Empangan Bekok, di Batu Pahat.

“Selepas empangan ini dibina pada 1980-an kerajaan sudah memberi pampasan kepada pemilik tanah berkenaan namun ada pemilik bersikap tamak apabila terus mengusahakan tanaman kelapa sawit di tanah asal mereka”

Ali

“Kegiatan menanam kelapa sawit ini semakin menjadi-jadi apabila orang persendirian dari luar meneroka secara haram tanah rezab di empangan ini kerana tiada sebarang kawalan daripada pihak berkuasa,” katanya.

Seorang pekerja empangan

Peruntukan pasang pagar terhad

Batu Pahat: Pihak berkuasa menyangkal dakwaan tidak mengambail apa-apa tindakan, sebaliknya sentiasa mengenakan tindakan tegas kepada mereka yang menceroboh kawasan Empangan Bekok di sini, melalui beberapa siri penguatkuasaan sejak beberapa tahun lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar, Pendidikan dan Penerangan Johor, Datuk Ayub Rahmat berkata, namun isu lebih besar daripada itu adalah pensempadanan antara empangan dan kawasan estet kelapa sawit dan persendirian.

“Isu yang besar adalah berkaitan dengan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, mereka sudah maklum mengenai perkara ini dan satu arahan persempadanan antara kawasan empangan dan sekitarnya perlu dilakukan.”

“Penolong Pentadbir Tanah (penguatkuasaan) Pejabat Tanah Batu Pahat sudah beberapa kali menghadiri mesyuarat penguatkuasaan di Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar bagi membincangkan perkara ini.”

“Beberapa langkah sudah diputuskan iaitu meminta Jabatan Pengairan dan Saliran, polis dan tentera membuat pengawasan dan pemantauan, bagaimanapun kawasan empangan ini luas dan menyukarkan pengawasan dibuat,” katanya ketika dihubungi.

Ayub berkata, JPS sudah mengambil beberapa langkah perlu untuk mengelakkan pencerobohan di sekitar kawasan empangan dengan memasang pagar namun peruntukan terhad menyebabkan sehingga kini hanya kira-kira 1.7 kilometer pagar dipasang.

“JPS sudah memulakan pemasangan pagar, di kawasan empangan sepanjang 3.25 kilometer secara berperingkat dan ketika ini pagar sepanjang 1.68 kilometer berjaya disiapkan dengan kos kira-kira RM2 juta.”

“Namun kawasan yang berpagar ini hanya suku daripada kawasan yang perlu dipagar dan JPS akan memagarnya mengikut peruntukan diperoleh secara berperingkat,” katanya.

Beliau berkata, namun kerana kawasan empangan yang luas menyebabkan pencerobohan sukar dikawal dan penceroboh mengambil kesempatan dengan merosakkan pintu pagar yang sudah dibina ketika kakitangan berkenaan bercuti atau rehat.

“Walaupun dipagar penceroboh berani merosakkannya dan sebab itu, JPS memohon peruntukan supaya pagar antipanjang dapat dipasang bagi menyukarkan penceroboh meneruskan niat mereka,” katanya.

Beliau berkata, kerjasama masyarakat amat penting supaya tidak mementingkan diri sendiri dan bertanggungjawab bagi memastikan bekalan air di kawasan empangan tidak tercemar.

“Saya merayu masyarakat lebih bertanggungjawab supaya bekalan air mencukupi tanpa adanya masalah pencemaran. Jika semua pihak memikirkan kepentingan masyarakat saya yakin usaha mendahulukan kepentingan diri sendiri tidak berlaku.”

“Saya juga memohon pihak penguatkuasaan dapat bertindak di atas laporan bagi memastikan pesalah mendapat hukuman dan menjadi iktibar kepada yang lain,” katanya.

LALUAN kawasan Empangan Bekok yang diceroboh.